

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup dua premis dan mengeluarkan 17 kompaun atas pelbagai kesalahan dalam Op Khas Bersepadu Pemantauan dan Tinjakan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN), malam kelmarin.

Pengarah Jabatan Penguraukuasaan DBKL Osman Ismail berkata, operasi bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu menumpukan premis perniagaan di sekitar ibu kota membabitkan perniagaan restoran, bar dan perniagaan lain yang dibenarkan beroperasi.

"Pemeriksaan mengejut



Kerjasama dalam operasi bersepadu ini akan diteruskan dari semasa ke semasa mengikut bidang kuasa, SOP dan peraturan yang ditetapkan pihak DBKL, PDRM dan MKN"

Osman Ismail

(27 September 2021) Harian Metro, p. 11

Ingkar SOP bikin wang!

DBKL tutup dua premis, keluarkan 17 kompaun dalam operasi bersama polis



PIHAK DBKL dan PDRM membuat pemeriksaan mengejut menumpukan premis perniagaan di sekitar ibu kota, malam kelmarin.

dilakukan terhadap 10 premis perniagaan dan dua daripadanya diarahkan tutup kerana melanggar peraturan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976.

"Empat notis kompaun mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 turut dikeluarkan terhadap pemilik dan individu di premis sama

yang melanggar peraturan digarisikan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Osman berkata, pihaknya

turut mengeluarkan 17 notis kompaun mengikut Undang-Undang Kecil Petempatan Makanan (WPKL) 2016 kepada pemilik premis dan individu yang bekerja dan mengendalikan tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan.

"Pihak PDRM turut mengeluarkan pelbagai jenis kompaun menerusi kesala-

han di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 kepada individu dan pemilik premis.

"Kerjasama dalam operasi bersepadu ini akan diteruskan dari semasa ke semasa mengikut bidang kuasa, SOP dan peraturan yang ditetapkan pihak DBKL, PDRM dan MKN," katanya.